

# *PM jangan ke mana-mana, duduk saja dalam negara*

ADA orang memberi pandangan bahawa bernegara atau menjadi kerajaan ibarat hidup berjiran. Dalam adat berjiran maka ada ketikanya kita perlu menyapa. Kadang-kadang kita perlu menziarah atau melawat jiran.

Apabila ada kenduri-kendara, majlis kahwin, perayaan malah kematian kita perlu hadir. Ini supaya kita tidak terputus hubungan dan andai kata kita dalam kesusahan satu masa nanti ada jiran yang boleh diharapkan dan boleh membantu.

Begitu juga dalam adat bernegara dan berkerajaan. Pemimpin tidak boleh sekadar duduk dalam negara untuk masalah rakyat, tadbir urus, tatakelola, rasmi program atau jawab soalan di Parlimen sambil bergaduh dengan pembangkang sahaja.

Lebih-lebih jika orang itu adalah pemimpin Malaysia yang merupakan sebuah negara dagang yang ekonomi bergantung kepada import dan eksport serta pelaburan dari luar. Lagi pula Malaysia menganggotai pelbagai pertubuhan dunia yang ada masanya memerlukan kehadiran pemimpin untuk menjelaskan pendirian dan dasar negara berhubung sesuatu isu atau dasar selain mencari kawan untuk membeli barangan kita dan melaburkan wang mereka di negara kita.

Seperti berjiran, kita kena berkawan. Bernegara dan berkerajaan juga perlu berkawan. Terutama dunia kita berhadapan dengan pelbagai konflik dan krisis daripada politik, ekonomi hingga kepada peperangan. Malaysia perlu ada kawan dan sekutu yang boleh bersama-sama ketika susah dan senang. Tanggungjawab itu adalah di bahu Perdana Menteri. Tidak kisah siapa menjadi Perdana Menteri, tanggungjawab adalah memastikan Malaysia mempunyai sekutu sebanyak yang mungkin sama ada bagi tujuan politik dan diplomatik atau untuk manfaat ekonomi.

Kalau tidak ada negara yang mahu menjadi sekutu atau berkawan dengan Malaysia di mana mahu menjual komoditi kita seperti kelapa sawit dan getah? Siapa yang mahu produk elektrik dan elektronik (E&E) keluaran kita? Siapa yang akan memberikan pelaburan langsung kepada kita?

Malangnya, sekarang mana-mana sahaja di bumi Malaysia ini kecoh tentang lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke luar negara. Mereka melihat ia sebagai bukan satu keperluan, sebaliknya hanya pembaziran. Segala-galanya dipertikaikan.

Apa yang mereka tidak cerita adalah kenapa lawatan itu perlu, siapa yang Perdana Menteri jumpa, berapa banyak peluang perniagaan dan berapa jumlah potensi pelaburan yang berjaya dibawa pulang. Jika Perdana Menteri duduk dalam negara sahaja, adakah ini dapat dicapai? Bolehkah negara kita menarik masuk FDI dan mengeksport komoditi ratusan bilion ringgit jika pemimpin sekadar berlegar-legar dalam negara? Mungkin boleh, tetapi ia tentunya tidak akan sebanyak negara yang pemimpinnya keluar melobi.

Ini bukan soal Anwar Ibrahim semata-mata. Siapa sahaja yang menjadi Perdana Menteri itu adalah sebahagian daripada tugas. Iaitu menjual potensi Malaysia kepada dunia luar. Lawatan ke luar negara akan menjadi salah satu agenda untuk mencari rakan dan sekutu sama ada bagi tujuan diplomasi mahupun ekonomi. Ini sangat penting. Sebab itu, pepatah Melayu ada istilah jangan jadi seperti katak bawah tempurung.

Tetapi kalau sudah banyak sangat isu dan kritikan elok Perdana Menteri duduk sahaja dalam negara, tidak perlu ke mana-mana. Tidak perlu bersusah-susah untuk cari peluang pelaburan atau perdagangan. Duduk sahaja bawah tempurung.